

**UNTUK SIARAN SEGERA**



## **HRD CORP LANCAR *PREMIER EMPLOYER NETWORK***

Agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia tersebut memperkenalkan manfaat eksklusif serta ganjaran istimewa untuk majikan premier.

**Kuala Lumpur, 17 Mac 2025** – Human Resource Development Corporation (HRD Corp) hari ini melancarkan ***Premier Employer Network (PEN)***, sebuah inisiatif eksklusif yang direka bagi memberikan majikan premier dalam rangkaian ini penyelesaian pengurusan latihan yang lebih bersasar serta pelbagai manfaat istimewa.

Berlandaskan prinsip keutamaan, eksklusiviti serta kerjasama strategik majikan, PEN mendukung aspirasi Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dalam memperkukuh pembangunan tenaga kerja serta memperhebat keterlibatan industri.

Melalui inisiatif ini, majikan premier akan mendapat akses eksklusif kepada pasukan pakar pembelajaran dan pembangunan (L&D) HRD Corp yang akan memastikan penyelesaian yang lebih bersesuaian, proses yang lebih lancar serta perkhidmatan yang diberikan keutamaan.

Dalam ucapan beliau, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Datuk Azman Mohd Yusof, berkata bahawa PEN dimajukan untuk menyediakan akses keutamaan, proses yang diperkemas, dan sokongan peribadi kepada majikan terkemuka.

"PEN lebih daripada sekadar faedah eksklusif; ia mewakili penanda aras baharu untuk penglibatan majikan dalam pembangunan tenaga kerja. Untuk merealisasikan potensinya sepenuhnya, kita mesti mengambil pendekatan strategik, dengan memberi tumpuan kepada tiga keutamaan utama: pembangunan tenaga kerja yang diterajui industri, pengukuhan kerjasama awam-swasta, dan memastikan tenaga kerja kita bersedia untuk masa hadapan," tambah beliau.

"Pada tahun 2024 sahaja, kita mencapai pencapaian luar biasa dengan jumlah 99,966 majikan berdaftar, dengan hampir 8% diklasifikasikan sebagai majikan besar," kata Ketua Eksekutif HRD Corp Datuk Wira Shahul Dawood dalam ucapannya.

## UNTUK SIARAN SEGERA

"Pencapaian ini tidak mungkin terhasil tanpa dedikasi dan sokongan majikan-majikan ini. Komitmen teguh mereka terhadap pembangunan tenaga kerja adalah penting dalam memacu kemajuan ekonomi Malaysia," ujar Datuk Shahul.

Inisiatif ini juga mencerminkan komitmen berterusan HRD Corp dalam menyelaraskan pembangunan modal insan dengan menawarkan strategi yang disesuaikan serta proses yang lebih cekap untuk memperkasa perniagaan di samping terus menambah baik perkhidmatan bagi memenuhi keperluan rakan majikan premier HRD Corp yang sentiasa berevolusi.

Bermula 1 Jun 2025, para majikan premier akan menikmati enam manfaat di bawah inisiatif PEN seperti berikut:

### 1. Polisi Geran Fleksibel

- Memudahkan proses permohonan geran dan *Customised Allowable Cost Matrix (ACM)* untuk ahli yang layak.

### 2. Dana Bakat Industri

- Membolehkan penggunaan levi untuk pembangunan industri, membolehkan syarikat induk menyokong anak syarikat dan industri berkaitan.

### 3. Laluan Pantas (*Green Lane*)

- Proses kelulusan pantas merangkumi semua fungsi perniagaan.

### 4. Penyatuan Saluran

- Menyatukan perkhidmatan ke dalam satu saluran akses - pengumpulan pengguna, pilihan *dropdown* dan papan pemuka utama.

### 5. Pengalaman Pelanggan

- Pengalaman pelanggan yang sempurna, dengan tindak balas pantas dan penyelesaian yang segera.

### 6. Pengurus Perhubungan

- Pengurus perhubungan khusus sebagai titik fokus untuk mengendalikan semua interaksi dan inisiatif dengan pihak berkepentingan.

Selain daripada perkhidmatan pengurusan latihan, majikan premier akan menikmati pelbagai manfaat eksklusif lain, termasuk informasi terkini, previu latihan, hari penghargaan, perkongsian amalan terbaik, rebat khas, sesi perkongsian, program duta HRD Corp, papan pemuka (*dashboard*) majikan, dan mesyuarat bersama penasihat terlatih yang diperakui.

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai PEN, layari [www.hrdcorp.gov.my](http://www.hrdcorp.gov.my)

**-Tamat-**

### **Mengenai Human Resource Development Corporation (HRD Corp):**

Human Resource Development Corporation (HRD Corp) ditubuhkan pada tahun 1993 dengan dikenali sebagai Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM). Ia kemudian diperbadankan menjadi Pembangunan Sumber Manusia Berhad pada melalui pengubalan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, HRD Corp bertanggungjawab terhadap pungutan levi dari industri utama serta pengeluaran geran latihan melalui mekanik dalamannya yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) atau Human Resources Development Fund (HRDF).

Pada April 2021, HRDF telah dijenamakan semula kepada HRD Corp. Perubahan nama ini adalah cerminan tanggungjawab, arah dan misi organisasi yang baharu. Ini termasuk memperluas usaha peningkatan kemahiran dan kemahiran semula pekerja kepada semua majikan dan individu warga Malaysia; di samping memberi peluang menjana pendapatan kepada semua komuniti yang memerlukan. Transformasi ini sejajar dengan cita-cita HRD Corp untuk memacu aspirasi pengembangan bakat tempatan untuk jangka panjang.

Untuk maklumat lanjut, sila layari – [www.hrdcorp.gov.my](http://www.hrdcorp.gov.my).